

11 JAN 2000

Singapura-Clob

SINGAPURA BAWA ISU CLOB KE WTO JIKA TIADA PENYELESAIAN

SINGAPURA, 10 Jan (Bernama) -- Singapura mengulangi pendirian membawa isu Clob (dagangan saham syarikat Malaysia di Singapura) ke Pertubuhan Dagangan Dunia (WTO) jika tiada penyelesaian dicapai antara Singapura dan Malaysia, kata Perdana Menteri Goh Chok Tong.

"Kita berusaha mencari penyelesaian tetapi jika akhirnya tidak berjaya, Singapura tiada pilihan melainkan membawa perkara itu ke WTO dan para pemegang saham juga mungkin mengambil tindakan mahkamah di Malaysia," katanya dalam temuramah dengan Reuters Television yang disiarkan di sini malam ini.

Goh berkata beliau menunggu masa yang sesuai, mungkin selepas Tahun Baru Cina, untuk berbincang dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu-isu dua-hala yang memerlukan penyelesaian.

Pegawai dari kedua-dua negara telah mengadakan perbincangan mengenai pelbagai isu sehingga Mei tahun lalu tetapi tidak diteruskan kerana Dr Mahathir menumpukan masa untuk menghadapi pilihanraya, katanya.

Singapura mahu isu Clob diselesaikan sekali dalam perbincangan isu dua-hala yang juga melibatkan perjanjian baru mengenai bekalan air ke Singapura dan kedudukan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Singapura.

Dianggarkan RM17 bilion saham syarikat Malaysia, pada harga pasaran sekarang, yang dahulunya diniagakan di pasaran Clob (Central Limit Order Book) kini masih dibekukan setelah Singapura menghentikan dagangan pasaran Clob berikutan pelaksanaan langkah kawalan modal oleh Malaysia pada September 1998.

Penyelesaian perkara itu diletakkan diatas bahu bursa saham kedua-dua negara.

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) baru-baru ini mengumumkan lanjutan tempoh terakhir kepada 30 Jun untuk Central Depository Singapura diberi status nominee keatas saham-saham tersebut setelah tempoh status itu tamat pada 31 Disember 1999.

Bursa Saham Singapura, dalam satu kenyataan hari ini, berkata Effective Capital Sdn Bhd dari Malaysia telah melanjutkan tarikh tutup tawarannya untuk membeli saham-saham Clob itu kepada 22 Feb.

Tawaran Effective Capital itu termasuk syarat saham-saham Clob dialihkan ke akaun-akaun individu dan penjualan berperingkat selama 18 bulan.

-- BERNAMA

TCL THG